

Kekerapan Tren MRT Ditingkatkan

KUALA LUMPUR : Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) meningkatkan frekuensi kekerapan perjalanan tren Transit Aliran Massa (MRT) bagi menampung keperluan semua penumpang. Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ir Dr Wee Ka Siong berkata, ketika ini, separuh daripada kapasiti penumpang dalam tren digunakan bagi tujuan penjarakan sosial. Katanya, situasi itu menyebabkan jumlah penumpang dalam tren pada satu masa tidak akan seperti kelaziman sebelum pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

“Pada waktu puncak jam 7 hingga 9 pagi tadi (semalam), tidaklah begitu ramai penumpang. Saya jangkakan akan ada pertambahan penumpang esok dan lusa. “Kita telah bersiap sedia dan kapasiti kita tidak seperti dulu, bermaksud lebih separuh ruang dalam tren digunakan untuk penjarakkan sosial maka kita kena tambah frekuensi.

“Dalam erti kata lain, sebelum PKP mungkin tidak dapat frekuensi yang begitu kerap, tapi kali ini kena kerap supaya kita dapat memastikan perkhidmatan terbaik dan mampu mengangkut semua penumpang, “ katanya pada sidang akhbar selepas melakukan tinjauan di Stesen MRT Bukit Bintang di sini sempena hari pertama Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) semalam. Sementara itu, Ka Siong berkata, semua penumpang pengangkutan awam di negara ini diwajibkan untuk memakai topeng muka selain mengamalkan penjarakkan sosial. “Setiap orang yang masuk ke stesen MRT juga disaring suhu badan. “Kita ada kuasa untuk tidak membernarkan penumpang daripada menaiki pengangkutan awam sekiranya mereka tidak memakai topeng muka atau mempunyai suhu badan yang tinggi. “Penumpang perlu tegur penumpang bersebelahan jika tidak menjarakkan sosial selain ada polis bantuan yang memantau di dalam tren,” katanya.

Sementara itu, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Prasarana, Nizam Alias berkata, kebiasaan sebelum tempoh PKP, MRT beroperasi dari jam 6 pagi hingga 12 tengah malam dengan waktu puncak pada jam 7 hingga 9 pagi dan 5 hingga 7 malam. Bagaimanapun, katanya, tempoh waktu puncak itu kini dipanjangkan dan frekuensi kekerapan tren dipertingkatkan

antara tiga hingga enam minit bergantung kepada laluan. “Kita juga galakkan majikan untuk mengamalkan waktu kerja anjal supaya pekerja dapat datang lewat sedikit,” katanya.

SUMBER: SINAR HARIAN | M/S: 7 | 5 MEI 2020